



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ABDUL HAMID BIN MIRE,  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI JURUTEKNIK  
DI STESEN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)  
GEMAS, NEGERI SEMBILAN**

**NUR SHAFIQAH BINTI TAZALI**

**(2019336675)**

**NURAI SYAH BINTI AZLAN**

**(2019717309)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC 2020 – JULAI 2020**

## ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
<i>Roman</i>	Abstrak	i
<i>Numerals</i>	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual	1 – 3
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4 - 6
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	7 – 12
	3.1 Pengenalan	8 – 9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	10
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	11 - 12
4.0	Kajian Literatur	13 – 20
	4.1 Topik 1: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)	14 – 15
	4.2 Topik 2: Stesen Keretapi Gemas	16 - 20
5.0	Transkrip Tembual Bersama Tokoh	21 – 51
6.0	Log Temubual	52 – 71
7.0	Ralat	72 - 73
8.0	Glosari	74 – 76
9.0	Indeks	77 – 81
10.0	Bibliografi	82 – 84

## **ABSTRAK**

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang juga di kenali sebagai Malayan Railway merupakan sebuah pengendali kereta api utama di Semenanjung Malaysia. Pada zaman penjajahan British, kereta api asalnya digunakan untuk tujuan mengangkut biji timah. Tambahan pula, pengangkutan awam pada masa itu sangat terhad. Oleh itu, masyarakat memilih kereta api sebagai salah sebuah pengangkutan awam utama di Malaysia untuk tujuan harian mereka. Pengangkutan kereta api ini telah banyak memberi kemudahan kepada orang ramai sejak zaman dahulu sehingga sekarang. Pada masa kini, ia masih menjadi pilihan utama masyarakat sekitar kerana kebanyakan stesen kereta api dibina di hampir setiap kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan kerja harian mereka dan juga harga tiketnya yang murah dan sangat berpatutan. Transkrip ini mendokumentasikan sejarah lisan mengenai stesen KTMB Gemas Negeri Sembilan yang kini banyak mengalami perubahan dan kemajuan. Satu sesi temu bual telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai stesen kereta api Gemas bersama Encik Abd. Hamid bin Mire. Transkrip ini dibuat bertujuan untuk membongkar sejarah dan peristiwa yang berlaku di stesen KTMB Gemas ini untuk mengelakkan ia daripada dilupakan oleh generasi akan datang. Maka, pendokumentasian ini diharapkan dapat menghasilkan sebuah kajian mengenai sejarah stesen KTMB Gemas dan seterusnya dapat membuka mata semua pihak tentang pentingnya memelihara sejarah warisan negara.

Kata kunci: Keretapi Tanah Melayu Berhad, Stesen, Kereta api, Pengangkutan awam, Gemas, Sejarah

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami sangat bersyukur kerana akhirnya kami dapat menyelesaikan Sejarah Lisan atau *Oral History* mengenai topik yang telah diberikan kepada kami mengenai stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Kami telah memilih stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Gemas Negeri Sembilan. Kami memilih stesen ini adalah kerana kami ingin mendokumentasikan sejarah berkaitan KTMB Gemas. Terdapat pelbagai sejarah dan peristiwa-peristiwa yang menarik yang pernah berlaku di stesen KTMB Gemas ini.

Dalam melaksanakan tugas ini, kami telah mendapat pertolongan dan panduan dari beberapa pihak yang sangat membantu untuk menyiapkan Sejarah Lisan berkaitan stesen KTMB yang kami pilih. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin atas bimbingan yang diberikan serta maklumat tambahan yang diperlukan mengenai tugas kami ini. Beliau banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dan panduan dalam melaksanakan tugas ini.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Abdul Hamid bin Mire yang merupakan seorang pesara juruteknik di stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Gemas, Negeri Sembilan kerana sudi menerima kami untuk mewawancara beliau untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sejarah stesen Keretapi Gemas, Negeri Sembilan ini. Beliau banyak memberikan maklumat serta berkongsi pengalaman kerja dan kisah peribadi beliau sepanjang beliau berkhidmat di dalam KTMB Gemas ini.

Selain itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami atas sokongan dan dorongan mereka yang membantu kami untuk menyempurnakan tugas ini. Ucapan terima kasih ini juga kami ingin tujukan kepada rakan-rakan sekelas kami yang banyak membantu kami menyelesaikan tugas ini. Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung untuk menyempurnakan tugas kami ini.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CTC	Centralized Traffic Control (Pusat Pengelola Tren)
DMU	Diesel Multiple Unit (Tren Diesel)
EMU	Electric Multiple Unit (Tren Komuter)
ETS	Electric Train Service (Tren Elektrik)
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
LCE	Level Certificate of Education
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia